

CNS1641

U GB 05-01 00159 BB947

AAB

Mahathir - Cukai

LANGKAWI, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengkaji semula taraf pelabuhan bebas cukai Langkawi memandangkan pulau itu telah mencapai tahap boleh berdikari.

Kajian semula itu termasuk mengkaji masa yang sesuai untuk menarik balik taraf bebas cukai yang diberikan kepada pulau itu pada 1987, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Draf Rancangan Struktur Langkawi di Sekolah Kebangsaan Kuah di sini hari ini.

Katanya, taraf pelabuhan bebas cukai Pulau Pinang sebelum ini ditarik balik setelah pulau itu mencapai tahap boleh berdikari.

Ketika berucap sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah kerajaan menjadikan Langkawi kawasan bebas cukai ialah untuk menurunkan harga barang-barang yang bukan sahaja menguntungkan pelancong tetapi penduduk Langkawi sendiri.

Beliau bagaimanapun berasa dukacita kerana ada golongan yang menyalahgunakan taraf pelabuhan bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi sehingga beberapa matlamat kerajaan tidak tercapai. - Lagi

♥05/01/14-07MST

CNS1642

U GB 05-01 00149 BB948

AAB

Mahathir - Cukai 2 Langkawi

+Harapan kerajaan ialah supaya pelabur tertarik dengan penurunan kos pembangunan di Langkawi dan pelancong pula tertarik kerana tempat penginapan dan harga barang-barang di pulau itu yang rendah.

+Malangnya harapan kerajaan tidak menjadi kenyataan kerana kos tanah melambung naik dan harga barang-barang juga meningkat kerana peniaga membolot semua penurunan cukai untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan,+ katanya.

Beliau lalu mengingatkan bahawa pelepasan cukai di Langkawi bermakna pembangunan pulau itu dibiayai oleh orang-orang yang membayar cukai di tempat-tempat lain di Malaysia.

Beliau juga mengingatkan golongan penduduk dan peniaga di Langkawi supaya jangan terlalu ghairah untuk mendapat keuntungan daripada hasil sektor pelancongan kerana kesannya mungkin akan menyebabkan bilangan pelancong semakin menurun.

Dr Mahathir juga menasihati penduduk Langkawi supaya jangan menjual tanah mereka dan jangan menyalahkan kerajaan sekiranya mereka akhirnya menumpang orang lain. -- Lagi

♥05/01/14-08MST

CNS1648

U GB 05-01 00183 BB949

AAB

Mahathir - Cukai 3 Langkawi

Mengenai Rancangan Struktur Langkawi, beliau berkata kerajaan mendapatkan bantuan pakar-pakar untuk menyediakan rancangan itu supaya penempatan kemudahan pelancongan seperti hotel dan bangunan-bangunan lain tidak menjejaskan unsur-unsur estetika.

+Pembangunan Langkawi hendaklah terhad supaya tidak memusnahkan segala warisan semulajadi dan sejarah,+ katanya.

Pameran Draf Rancangan Struktur Langkawi, yang berlangsung selama sebulan sehingga 5 Februari ini, bertujuan mendedahkan kepada orang ramai mengenai perancangan masa depan Langkawi dan mendapatkan maklum balas daripada mereka.

Orang ramai boleh membuat bantahan serta pandangan dan bantahan mereka akan dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam laporan akhir.

Laporan draf itu disediakan mulai 1988 oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan bantuan kepakaran sekumpulan pakarunding dari Perancis melalui kerjasama teknikal dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Perancis.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Haji Osman Aroff, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanunsi Junid, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr Ting Chew Peh, Duta Besar Perancis ke Malaysia, Encik Frederick Grasset dan beberapa orang anggota exco kerajaan negeri. -- Bernama

♥05/01/14-23MST